



SIARAN MEDIA

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

PROGRAM MADANI KITA ANJURAN JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA) DEKATKAN KERAJAAN DENGAN RAKYAT MELALUI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SECARA TERUS

TAMBUN, 19 Julai 2026 – YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri hari ini telah menyempurnakan Program MADANI Kita Bersama Komuniti Tambun di Dewan Komuniti, Taman Perpaduan, Tambun, Perak.

Pelbagai pengisian yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat telah diadakan, antaranya penyampaian Bakul RAHMAH MADANI, perkhidmatan menggunting rambut dan perkhidmatan penukaran minyak enjin motorsikal percuma oleh RELA negeri Perak, Jualan RAHMAH, saringan kesihatan dan pemeriksaan pergigian, program pertukaran topi keledar, agihan biji benih dan anak pokok, semakan serta permohonan Wang Tak Dituntut, selain pelbagai perkhidmatan lain yang disediakan oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Semasa majlis tersebut, YAB Perdana Menteri turut menyampaikan RELA Patrol Kits (RPK) kepada wakil petugas rondaan bagi empat sektor utama di Daerah Kinta Utara, iaitu bagi kawasan Ulu Kinta, Manjoi, Pasir Pinji dan Lahat. Set RPK ini akan digunakan sepanjang pelaksanaan penugasan rondaan bagi memperkukuh aspek keselamatan dan kesejahteraan komuniti RELA Negeri Perak.

Program MADANI Kita bertujuan mendekatkan rakyat dengan Kerajaan melalui pendekatan turun padang, di samping meningkatkan keyakinan rakyat terhadap dasar serta inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan MADANI. Program ini telah menghimpunkan kira-kira 1,200 penduduk setempat, turut memudahkan masyarakat mendapatkan pelbagai perkhidmatan kerajaan di bawah satu bumbung serta menjadi platform interaksi dua hala antara pimpinan kerajaan dengan komuniti setempat bagi mendengar sendiri pandangan, keperluan dan aspirasi rakyat.

Selaras dengan slogan “Memaknai Harapan Rakyat”, Program MADANI Kita mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk memastikan setiap dasar diterjemahkan kepada tindakan yang memberi impak langsung kepada kehidupan rakyat. Penganjuran program ini turut membuktikan bahawa kerajaan sentiasa mendengar, memahami dan bertindak dalam menangani isu yang dihadapi masyarakat, di samping memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam yang lebih inklusif, berkesan dan mudah diakses.

Turut hadir ialah YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak; YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara; YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak; YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi Zakaria, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM); YBhg. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan); YBhg. Datuk KPjR Rosli Yaakub, Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Pengurusan Tertinggi KDN, ketua-ketua jabatan, wakil agensi kerajaan negeri, warga RELA dan penduduk setempat.

JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA
19 JULAI 2026